AHMAD ABD JALIL lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
SAMSUDIN HASSAN H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42S-18-10-2013]
27 OKTOBER 2014

UNDANG-UNDANG SIBER: *Penyalahgunaan fasiliti laman web sosial – Muatnaik kata-kata yang menghina – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 – Sama ada elemen-elemen pertuduhan berjaya dibuktikan – Sama ada komen, IP address dan waktu komen dibuat selari – Sama ada keterangan saksi-saksi pakar diterima – Sama ada orang lain mempunyai akses kepada komputer yang digunakan untuk melayari akaun Facebook – Sama ada pembelaan perayu berjaya mematahkan anggapan di bawah s. 114A Akta Keterangan 1950*

Perayu telah dipertuduh di Mahkamah Sesyen bagi dua pertuduhan iaitu di bawah ss. 233(1)(a) dan 233(3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ('Akta') atas kesalahan memuatnaik komen yang berbunyi 'Sultan Johor kulitnya putih seperti kulit babi' ('komen jelik') dalam laman web sosial *Facebook* menggunakan akaun 'Zul Yahya'. Perayu telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan di bawah s. 233(3) tetapi telah disabitkan atas pertuduhan di bawah s. 233(1)(a) Akta dan dikenakan hukuman denda RM20,000 dan jika gagal dibayar, enam bulan penjara. Oleh itu, rayuan ini. Isu-isu yang timbul bagi pertimbangan mahkamah adalah (i) sama ada keterangan mengenai komen, *IP address* dan waktu komen dibuat tercabar; (ii) sama ada keterangan saksi-saksi pakar telah tercabar; (iii) sama ada orang lain mempunyai akses kepada komputer perayu; dan (iv) sama ada s. 114A Akta Keterangan 1950 ('AK1950') boleh digunapakai.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Pegawai Pusat Media, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor ('SP10') telah nampak komen jelik tersebut dan tidak boleh dipertikaikan di bawah AK1950 bahawa komen tersebut memang tertera di *Facebook* 'Zul Yahya'. Seterusnya, melalui keterangan Ketua Jabatan Penguatkuasaan dan Siasatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ('SKMM') ('SP27'), punca komen jelik tersebut dapat dikesan iaitu di RD Resources, tempat perayu bekerja. Penemuan pihak SKMM bukanlah secara rawak atau membabi buta. Dakwaan perayu bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan komen jelik tersebut, *IP address* dan waktu komen dibuat tidak selari dengan keseluruhan keterangan yang dikemukakan. (perenggan 12)

(2) Wujud e-mel ibrahimosman106@ymail.com yang boleh digunakan untuk login akaun *Facebook* 'Zul Yahya' dengan menggunakan *password* 'akuibrahim'. Perkara yang sama dijumpai dalam komputer dan telefon

bimbit perayu. *Internet History* juga menunjukkan komputer perayu pernah digunakan untuk melayari *Facebook* 'Zul Yahya'. Keseluruhan keterangan jelas membuktikan kesemua elemen kesalahan di bawah s. 233(1)(a) Akta. (perenggan 12 & 13)

(3) Pengarah Urusan RD Resources Sdn Bhd mengesahkan bahawa perayu adalah salah seorang pegawai di situ pada tarikh-tarikh pertuduhan. Kesemua pegawai atau kakitangan RD Resources, kecuali SP8 dan SP20, tidak pernah menggunakan komputer meja dan *hard disk* komputer meja kepunyaan perayu. SP8 dan SP20 walaupun pernah menggunakan komputer meja perayu, tidak pernah menggunakannya untuk tujuan melayari *Facebook* malahan untuk tujuan kerja sahaja. Pada tarikh-tarikh komen tersebut dibuat, SP9 yang bertugas memantau kehadiran pegawai atau kakitangan RD Resources mengesahkan bahawa perayu bekerja dan berada di RD Resources. (perenggan 33)

(4) Seksyen 114(1) AK1950 memperuntukkan, antara lain, bahawa seseorang yang menggunakan nama samaran atau *pseudonym* yang mana diterbitkan ... dianggap sebagai telah menerbitkan atau menerbitkan semula sesuatu penerbitan itu melainkan yang sebaliknya dibuktikan. Adalah wajar s. 114A AK1950 digunapakai sebagai anggapan yang boleh dipatahkan bahawa perayu, dan bukan orang lain yang telah memuatnaik komen jelik tersebut. (perenggan 40)

Kes-kes yang dirujuk:
Azlan Alias v. PP [2009] 1 LNS 534 CA ***(dirujuk)***
Emperor v. Karimuddi Sheikh AIR [1932] Cal 375 ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Mirza Murtala v. PP [2010] 4 CLJ 150 CA ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
PP v. Rutinin Suhaimin [2013] 2 CLJ 427 HC ***(dirujuk)***
See Kek Chuan v. PP [2013] 6 CLJ 98 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Communications and Multimedia Act 1998, ss. 233(1)(a), (3)
Criminal Procedure Code, ss. 51A(4), (5), 90
Evidence Act 1950, ss. 4(1), 8, 90A, 103, 114A(1), (3), 132

Bagi pihak perayu - Mohd Radzlan Jalaludin; T/n Abu Bakar & Yong
Bagi pihak responden - Umar Saifuddin Jaafar; Ketua Unit Pendakwaan Johor

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Samsudin Hassan H:

Pendahuluan

[1] Pada 8 November 2012 perayu telah dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah (2) Johor Bahru, Johor bagi dua pertuduhan berkait kes No. 62-463-11-2012 dan No. 62-464-11-2012 di bawah s. 233(1)(a) Akta

Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang boleh dihukum di bawah s. 233(3) Akta yang sama.

[2] Pada 5 Februari 2013, kedua-dua kes tersebut di atas telah dimohon oleh pihak pendakwaan untuk dibicarakan bersekali atau bersama-sama dan ianya telah dibenarkan oleh Mahkamah Sesyen Jenayah (2) Johor Bahru, Johor.

[3] Pihak pendakwaan telah memanggil 30 orang saksi kesemuanya untuk memberi keterangan bersumpah.

[4] Pada 14 April 2013 berkait kes No. 62-463-11-2012 perayu telah dilepaskan dan dibebaskan tetapi berkait kes No. 62-464-11-2012 pula beliau telah dipanggil untuk membela diri di akhir kes pendakwaan.

[5] Pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan terhadap keputusan melepaskan dan membebaskan perayu berkait kes No. 62-463-11-2012. Namun begitu, kemudiannya rayuan pihak pendakwaan tersebut telah ditarik balik.

[6] Berkait kes No. 62-464-11-2012 perayu telah membela diri dengan mengemukakan sembilann orang saksi kesemuanya juga memberi keterangan bersumpah.

[7] Pada 21 Oktober 2013 Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah (2) Johor Bahru, Johor, telah mensabitkan perayu dengan kesalahan di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) berkait kes No. 62-464-11-2012 dan mengenakan hukuman denda RM20,000 dan kalau gagal bayar beliau menghadapi enam bulan penjara sepertimana diperuntukkan di bawah s. 233(3) Akta yang sama.

[8] Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman bagi pertuduhan tersebut.

Pertuduhan

[9] Pertuduhan pindaan yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 10 Oktober 2012 jam lebih kurang 6.00 petang di RD Resources Sdn Bhd, No. 30-3, Jalan Wangsa Delima II, Seksyen 5, 53300 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menggunakan perkhidmatan aplikasi Facebook di alamat internet Protokol 175.139.168.216, melalui akaun Facebook http::/www.facebook.com/Ibrahim.osman.313371 dan menggunakan nama profail "Zul Yahya" secara sedar telah membuat dan memulakan penghantaran komunikasi suatu komen yang jelik sifatnya iaitu:
>
> Sultan Johor kulitnya putih seperti kulit babi …
>
> dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang boleh dihukum di bawah seksyen 233(3) Akta yang sama.

A **Fakta Ringkas Kes**

[10] Fakta ringkas kes adalah seperti berikut:

(a) Pada 10 Oktober 2012 jam lebih kurang 6 petang pengadu Syed Bukhari (SP10) bertugas sebagai Pegawai Pusat Media, Ibu Pejabat Polis
B Kontinjen Johor memantau segala aktiviti dalam laman sosial Facebook.

(b) Setelah dimaklumkan oleh anggota beliau bahawa ada mesej dalam inbox Facebook Meoruddin Zakaria yang statusnya seperti menghina Sultan Johor yang dilink kepada 'Zul Yahya', beliau pun memeriksa Facebook Meoruddin Zakaria tersebut melalui akaun Polis Johor dan
C mendapati mesej yang tertera atas nama Meoruddin Zakaria dan link attachment kepada Facebook 'Zul Yahya'. Kemudiannya SP10 membuka pula Facebook 'Zul Yahya' melalui akaun Polis Johor maka terteralah perkataan 'Sultan Johor kulitnya putih seperti kulit babi …,' (komen tersebut).

D (c) Lalu SP10 telah membuat 'printscreen' (eks. P16) dan menyerahkannya kepada pegawai penyiasat kes Inspektor Badrul (SP29) dan membuat satu laporan polis bersabit Pelangi Repot No. 94012/12 (eks. P13) pada 10 Oktober 2012 jam 7.44 malam.

E (d) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) yang membuat pemantauan mendapati komen tersebut dihantar oleh akaun Facebook 'Zul Yahya' dan memaklumkan butir-butir berkaitan akaun Facebook 'Zul Yahya' kepada polis Johor antaranya IP address, MAC address dan pengguna IP address.

F (e) Pihak Forensik Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang membuat pemeriksaan di premis pengguna IP address ini mendapati sebuah komputer yang mempunyai internet history melayari laman Facebook 'Zul Yahya', MAC address pada 'router' adalah sama dengan yang diberikan oleh SKMM. Komputer tersebut telah dirampas untuk dibuat analisa selanjutnya.

G

Alasan Rayuan

[11] Peguambela yang bijaksana mewakili perayu telah mengemukakan 28 alasan dalam petisyen rayuan bertarikh 20 Disember 2013 untuk menyokong hujahan bahawa perintah sabitan dan hukuman patut
H diketepikan. Namun begitu, di dalam penghujahan bertulis disediakan oleh perayu hanya memfokuskan dan menumpukan kepada beberapa alasan sahaja bila dirangkumi tergolong kepada isu-isu penting di antaranya seperti di bawah berikut:

I (i) keterangan SP10 dan SP27 berkait komen pada 10 Oktober 2012, IP address bagi komen tersebut (175.139.168.216) dan waktu komen dibuat (18:01:37) adalah tercabar di dalam membuktikan pertuduhan di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) terhadap perayu.

(Rujuk perkara di perenggan no. 1, 2 dan 3 dalam petisyen rayuan)

(ii) keterangan SP16 dan SP18 secara kumulatifnya telah tercabar di dalam membuktikan pertuduhan di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) terhadap perayu.

(Rujuk perkara di perenggan 4 hingga 11 dalam petisyen rayuan)

(iii) orang lain juga mempunyai akses kepada komputer perayu.

(Rujuk perkara di perenggan 12 dan 13 dalam petisyen rayuan)

(iv) oleh kerana orang lain juga mempunyai akses kepada komputer perayu, maka peruntukan anggapan di bawah s. 114A Akta Keterangan 1950 tidak boleh diguna pakai oleh pihak pendakwaan.

(Rujuk perkara di perenggan 14 dan 15 dalam petisyen rayuan)

(v) keterangan SB2, SB3 dan eks. IDD38 dapat mematahkan kaitan perayu dengan kesalahannya di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

(Rujuk perkara di perenggan 16 hingga 19 di dalam petisyen rayuan)

(vi) keterangan pembelaan perayu keseluruhannya telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan.

(Rujuk perkara di perenggan 20 hingga 29 dalam petisyen rayuan)

Analisa Ke Atas Alasan-alasan Yang Dibangkitkan Oleh Peguambela Yang Mewakili Perayu

[12] Alasan-alasan rayuan pihak perayu itu akan dibincangkan satu persatu seperti berikut:

(a) Alasan pertama

(Keterangan SP10 dan SP27 berkait komen pada 10 Oktober 2012, IP address bagi komen tersebut (175.139.168.216) dan waktu komen dibuat (18:01:37) adalah tercabar di dalam membuktikan pertuduhan di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) terhadap perayu)

(i) perkara ini telah diulas secara langsung oleh Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah (2) Johor Bahru dalam alasan penghakimannya di ms. 166 dalam rekod rayuan jilid 1 seperti berikut:

> Keterangan SP10 dan SP27 yang tidak tercabar ialah komen tersebut tertera di laman Facebook "Zul Yahya".

(ii) apa yang dimaksudkan di situ ialah komen yang jelik itu telah dilihat oleh SP10 dan SP27 di Facebook "Zul Yahya".

(iii) lihat sahaja keterangan pegawai pusat media IPK Johor iaitu Inspektor Syed Bokhari (SP10) di ms. 56 dalam rekod rayuan tambahan dipetik seperti berikut:

> Saya masuk ke Facebook 'Zul Yahya'.

(iv) berikutnya semasa menjawab soalan balas peguambela sama ada beliau ada masuk Facebook 'Zul Yahya' atau hanya melihat di link attachment, maka SP10 menjawab sepertimana di ms. 57 dalam rekod rayuan tambahan iaitu:

> Saya ada buat printscreen untuk status ini.

Gambar printscreen tersebut adalah seperti di eks. P16 di ms. 364 dalam rekod rayuan jilid 2.

(v) keterangan yang sama diberikan oleh SP10 semasa pemeriksaan semula sepertimana jelas dizahirkan di ms. 58 dalam rekod rayuan tambahan.

(vi) semasa pemeriksaan semula juga sepertimana di ms. 58 dalam rekod rayuan tambahan SP10 ada menjelaskan tindakannya memeriksa Facebook Meoruddin Zakaria melalui akaun IPK Johor kemudiannya mendapati komen jelik berikut:

> Sultan Johor kulitnya putih seperti babi.

ada tertera dalam Facebook 'Zul Yahya'. Jadi amat jelas ini adalah fakta apa yang SP10 telah nampak dan oleh itu tidak boleh dipertikaikan lagi sebagai keterangan terus di bawah s. 60 Akta Keterangan 1950 bahawa komen tersebut memang tertera di Facebook 'Zul Yahya'. Perkataan "di link attachment kepada facebook Zul Yahya ... amatlah penting.

(vii) berikutnya pula lihat keterangan Ketua Jabatan Penguatkuasaan dan Siasatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) iaitu Mazlan bin Othman (SP27) dalam laporan eks. P36 di ms. 473 rekod rayuan jilid 2 dan juga pengesahan Telekom Malaysia (TM) di eks. P24 di ms. 407 rekod rayuan jilid 2 sebenarnya amatlah 'significant' kerana melalui pemantauan dan risikan SKMM yang berterusan pihaknya telah dapat mengenal pasti bahawa punca komen jelik tersebut adalah dari alamat IP 175.139.168.216 bertarikh 10 Oktober 2012 masa 18:01:37 dan ia beralamat di RD Resources Sdn Bhd iaitu tempat di mana perayu bekerja.

(viii) jadi keterangan SP27 ini bukanlah setakat melihat komen tersebut di skrin komputer seperti yang dilihat oleh SP10, bahkan pihak SKMM telah berjaya mengenal pasti asal usul komen jelik tersebut sepertimana terbukti di ms. 210 rekod rayuan tambahan petikan seperti berikut:

saya buka laman facebook "Zul Yahya", lihat tarikh yang diuploadkan status tersebut dan lihat masa dia.

(ix) keterangan SP27 ini tidak boleh dilihat secara 'isolation' tetapi hendaklah bersama keseluruhan keterangan termasuklah keterangan saksi-saksi pendakwaan berikut:

(1) SP22 (daripada pihak TM);

(2) SP23, SP24 dan SP25 (daripada pihak Celcom);

(3) SP16 dan SP18 (daripada pihak forensik); dan

(4) SP6, SP8, SP9, SP11 hingga SP15 dan SP19 hingga SP21 (merupakan pegawai dan kakitangan RD Resources tempat perayu bekerja).

(x) atas asas tersebut di ataslah mahkamah merumuskan bahawa kes ini melibatkan penggunaan akaun secara berselindung di bawah nama/identiti orang lain sepertimana keterangan Nor Hafizul bin Yahya (SP5) yang menyatakan sebahagian maklumat peribadinya telah diguna pakai di dalam Facebook 'Zul Yahya' ataupun orang yang tidak wujud. Dalam keadaan sedemikian mahkamah ini akur bahawa hanya pemantauan rapi dan berkesan sahaja boleh membuahkan hasil seperti di atas. Penemuan pihak SKMM bukanlah secara rawak atau membabi buta dan ini terbukti berdasarkan surat SKMM bertarikh 2 November 2012 sepertimana eks. P36 di ms. 473 dalam rekod rayuan jilid 2.

(xi) oleh itu, dakwaan perayu bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan status komen "Sultan Johor kulitnya putih seperti babi", komen tersebut tidak dimuat naik pada 10 Oktober 2012 dan alamat IPnya bukan di RD Resources adalah tidak selari dengan keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan semasa perbicaraan kes ini.

(xii) berkait dengan alasan di atas juga, perayu ada membangkitkan dua isu berhubung pematuhan peruntukan s. 51A dan s. 90 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

(xiii) perayu berhujah kemasukan 'printscreen' komen jelik tersebut dibuat secara 'bad faith' kerana ianya tidak diberikan oleh pihak pendakwaan kepadanya sebelum perbicaraan bermula melanggar kehendak peruntukan s. 51A(4) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

(xiv) seksyen 51A(4) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) memperuntukkan seperti berikut:

51A(4) The court may exclude any document delivered after the commencement of the trial if it is shown that such delivery was so done deliberately and in bad faith.

(xv) timbalan Pendakwa Raya di ms. 111 dalam rekod rayuan tambahan memberitahu beliau telah terlupa untuk membekalkan 'printscreen' eks. P16 kepada perayu dan atas alasan itu sahaja mahkamah ini menganggap ianya bukanlah bererti dilakukan dengan sengaja (deliberately) dan berniat tidak baik (bad faith).

(xvi) kita semua sedia maklum adalah 'trite law' bahawa 'bad faith' hendaklah ditunjukkan oleh perayu tetapi setelah dikaji, diteliti dan dihalusi keterangan keseluruhannya mahkamah dapati ianya tidak berlaku di dalam kes ini kerana terdapatnya s. 51A(5) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang memperuntukkan seperti berikut:

> 51A(5) Where a document is delivered to the accused after the commencement by the trial, the court shall allow the accused –
>
> (a) a reasonable time to examine the document; and
>
> (b) to recall or re-summon and examine any witness in relation to the document.

(xvii) secara ringkasnya s. 51A(5) KTJ memberi kuasa kepada mahkamah untuk membenarkan satu tempoh atau masa yang munasabah bagi perayu memeriksa 'printscreen' eks. P16 dan memanggil semula atau menyaman semula serta menyoal mana-mana saksi (dalam kes ini SP10) ada berkaitan dengan eksibit tersebut.

(xviii) dalam kes ini, eks. P16 telah dibangkitkan semasa SP10 disoal balas oleh peguam perayu. Namun begitu, pihak pendakwaan telah terlupa mengenainya dan sebaik sahaja sedar akan pentingnya eksibit tersebut sungguhpun sedikit terlewat lalu pihak pendakwaan pun dengan serta merta membuat permohonan lisan memanggil semula SP10 untuk mengemukakan sehelai dokumen eks. P16 tersebut.

(xix) eksibit P16 ini bukannya dicetak semasa perbicaraan tetapi telahpun dibuat oleh SP10 sebaik sahaja komen jelik tersebut dilihatnya pada 10 Oktober 2012. Lagipun dokumen eks. P16 ini bukanlah tebal, rumit (complicated) dan padat dengan maklumat yang perlu dikaji terlebih awal tetapi sekadar sehelai kertas sahaja mengandungi maklumat yang amat ringkas langsung tidak memerlukan tempoh atau masa yang panjang untuk disemak atau periksa oleh perayu semasa perbicaraan. Sehubungan itu, mahkamah merujuk kepada kes diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam *See Kek Chuan v. PP* [2013] 6 CLJ 98 di ms. 111 petikannya seperti di bawah berikut:

> [20] After PW4 completed giving his testimony, the High Court Judge was informed by learned counsel that the CCTV was not given to them pursuat to S51A of the Criminal Procedure Code ("CPC"). Section 51A of the CPC makes reference to the delivery of certain documents to the appellant by the prosecution and it is still in its infancy stage. It relates to pre-trial disclosure of

> evidence by the prosecution. If documents are not supplied to the defence in accordance with s. 51A of the CPC, the prosecution is not barred from tendering those documents and the defence may be given time to study those documents [*PP v. Mohd Fazil Awaludin* (2009) 2 CLJ 862; and *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* (2010) 4 CLJ 265; (2010) 2 MLJ 312, FC]. It is germane to mention that in the event the prosecution fails to comply with the provisions of s. 51A of the CPC, the prosecution's case would be jeopardised if the trial court refuses to condone the non compliance by the prosecution of s. 51A of the CPC and s. 422 of the CPC may not assist the prosecution if the non compliance to s. 51A of the CPC is material (*Naran and others v. State of Punjab* (1959) AIR SC 484).

(xx) mahkamah juga amati laporan polis Taman Pelangi No. 009401/12 bertarikh 10 Oktober 2012 (eks. P13) sepertimana di ms. 307 dalam rekod rayuan jilid 2) ini kandungannya lebih kurang sama dengan eks. P16. Oleh kerana eks. P13 dikemukakan lebih awal daripada eks. P16 maka mana mungkin peguam perayu mengatakan beliau dikejutkan dengan kandungan dalam eks. P16 untuk penyediaan pembelaan perayu.

(xxi) berdasarkan analisa di atas tersebut, mahkamah bersetuju dengan dapatan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah (2) Johor Bahru, Johor, di dalam alasan penghakimannya di ms. 112 dalam rekod rayuan tambahan bahawa tidak terdapat elemen 'deliberate' dan 'bad faith' pengemukaan eks. P16 semasa perbicaraan. Oleh itu, mahkamah ini memutuskan eks. P16 tersebut telah diterima masuk dengan sewajarnya tanpa melanggar s. 51A(4) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ);

(xxii) mengenai isu pemakaian s. 90A Akta Keterangan 1950 ianya adalah suatu peruntukan untuk mengatasi 'hearsay rule'. Dalam hal ini adalah didapati SP10 sendiri yang mencetak eks. P16 dan oleh yang demikian kehendak s. 90A Akta Keterangan 1950 jelas tidak dilanggari. Sehubungan, mahkamah ini merujuk kes *Azlan Alias v. PP* [2009] 1 LNS 534; [2009] 4 MLJ 493 khususnya di ms. 502 perenggan (15)(3) petikannya seperti di bawah berikut:

> (3) The use of the words 'may be proved' in s. 90A(2) indicates that the tendering of the certificate is not a mandatory requirement in all cases, as the use of the certificate can be substituted with oral evidence to the same effect: *R v. Shepherd* (1991) All ER 225 (HL), which dealt with a provision of law similar to our s. 90A.

(xxiii) dalam hal ini, SP10 telah memperihalkan penggunaan komputernya dengan jelas termasuklah masalah logistik iaitu 'toner' yang mana tidak terjumlah kepada kerosakan komputer dan hanya kesan pada kejelasan cetakan sahaja.

(xxiv) masalah selain eks. P16 terdapat juga keterangan terus oleh SP10 yang telah melihat status tersebut di layar skrin dengan matanya sendiri seperti yang direkodkan di dalam laporan polisnya di eks. P13. Perbuatan SP10 melakukan 'copy and paste' ke Microsoft Word adalah semata-mata penjelasan perbuatannya sebelum mencetak eks. P16 pada 10 Oktober 2012 dan ini tidaklah bermakna keterangan komen jelik itu tidak wujud.

(xxv) begitu juga dengan SP27 dengan tegasnya telah menyatakan beliau langsung tidak mempunyai alasan mengesyaki maklumat pemantauan yang diterimanya daripada pegawai bawahannya. Dalam konteks kesahihan maklumat tersebut, keterangan saksi-saksi lain juga haruslah diambil kira terutamanya pemeriksaan ke atas komputer meja dan telefon bimbit perayu yang mana akan disentuh dengan lebih lanjut lagi dalam menganalisa alasan-alasan rayuan yang lain kemudiannya kelak.

(b) Alasan kedua

(Keterangan SP16 dan SP18 secara kumulatifnya telah tercabar di dalam membuktikan pertuduhan di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) terhadap perayu)

(i) Pegawai Makmal Forensik PDRM ASP Muhammad Zulkifli (SP16) dan Digital Forensics Senior Analyst at Cyber Security Malaysia, Fauzi Mohd Darus (SP18) adalah merupakan saksi-saksi pakar. Tiada sebarang saksi pakar dikemukakan oleh pihak perayu untuk mempertikaikan keterangan-keterangan SP16 dan SP18 atau mana-mana saksi responden yang lain. Tentang ketidakpanggilan saksi pakar bagi pihak perayu, ulasan Mahkamah Rayuan dirujuk dalam *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 khususnya di ms. 744 hingga 745 seperti petikan di bawah berikut:

> In our view *Ang Soon Huat* is readily distinguishable from the present case. There the chemist, apart from being subjected to searching cross-examination, was also contradicted by rebuttal evidence. Nothing of that sort happened here. As such we think that the present case comes within the principle governing the appreciation of such evidence as enunciated by Mohd Azmi SCJ in *Munusamy Vengadasalam v. Public Prosecutor* (1987) 1 CLJ 250; (1987) CLJ (Rep) 221. It is an approach which has been affirmed and reaffirmed by our apex court in later cases. Thus in *Public Prosecutor v. Lam San* (1991) 3 CLJ 2410; (1991) 1 CLJ (Rep) 391, Hashim Yeop Sani CJ Malaya, one of our most distinguished judges said at page 2412 (p. 394):
>
> > As to how a trial court should approach the evidence of a chemist, we wish to advert to the judgment of this court in *Munusamy Vengadasalam v. PP* where in a passage at p. 256

(p. 226), Mohamed Azmi SCJ on behalf of the court put in focus the function of the chemist in a trial of this nature: A

> We are therefore of the view, that in this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of a substance, expert on its face value, unless it is inherently the court is entitled to accept the opinion of the incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible evidence is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step. B C

(ii) SP16 telah memberikan keterangan dengan panjang lebar sepertimana tertera di ms. 98 hingga 109; ms. 114 hingga 120 dan ms. 239 dalam rekod rayuan tambahan dan hasil analisis beliau telah dikemukakan sebagai laporan di eks. P15 tertera di ms. 309 hingga 363 dalam rekod rayuan jilid 2. Ringkasan laporan tersebut tertera di ms. 312 hingga 313 dalam rekod rayuan jilid 2. Pemeriksaan telah dijalankan oleh SP16 pada komputer pejabat perayu ('hard disk' di eks. P20A) dan telefon bimbit perayu (eks. P19D). SP18 pula telah memberikan keterangan yang serupa sepertimana tertera di ms. 123 hingga 144 dan di ms. 195 hingga 208 dalam rekod rayuan tambahan dan telah mengemukakan dua laporan iaitu eks. P22 (di ms. 369 hingga 383 dalam rekod rayuan jilid 2) dan eks. P33 (di ms. 435 hingga 443 dalam rekod rayuan jilid 2). D E

(iii) Keterangan SP16 dan SP18 mengenai isu-isu yang berkenaan diperturunkan seperti berikut: F

(1) Sama ada komputer meja perayu telah digunakan untuk menghantar komen jelik seperti dalam pertuduhan:

- Keterangan SP16 dan SP18 dikemukakan melalui laporan masing-masing iaitu sepertimana di eks. P15, eks. P22 dan eks. P33. G
- Laporan di eks. P15, eks. P22 dan eks. P33 disediakan oleh SP16 dan SP18 berdasarkan pemeriksaan terhadap 'hard disk' komputer meja (eks. P20A) dan telefon bimbit iphone perayu (eks. P19D) H
- SP16 di ms. 2 dalam eks. P15 melaporkan seperti berikut:

> Setelah membuat pemeriksaan awal di premis tersebut yang mempunyai 8 buah komputer, saya dapati hanya sebuah komputer sahaja yang mempunyai beberapa gambar yang dipercayai sama seperti yang digunakan di dalam profile Facebook "Zul Yahya". Keterangan ini menunjukkan I

A bahawa kepastian telah dicapai oleh SP16 bahawa hanya komputer perayu yang mempunyai tanda-tanda bahawa ia telah digunakan untuk kesalahan berkenaan dan oleh itu telah dirampas dan diuji di makmal kemudiannya.

- Hasil pemeriksaan tersebut SP16 di perenggan 1, 2 dan 3 ms. 4 dalam eks. P15 memutuskan bahawa wujudnya alamat e-mel ibrahimosman106@ymail.com yang boleh digunakan untuk log-in akaun Facebook 'Zul Yahya' dengan menggunakan password 'akuibrahim' dan juga di 'recycle bin' komputer terdapat gambar-gambar yang telah 'deleted' sama seperti dalam laman Facebook 'Zul Yahya' dan akhirnya dalam 'internet history' ada menunjukkan komputer perayu pernah digunakan untuk melayari Facebook 'Zul Yahya'.

- Selanjutnya SP16 di dalam laporannya eks. P15 di perenggan 4 ms. 5 telah mengesahkan bahawa 'MAC address' bagi modem (eks. P19B) yang dirampas dari RD Resources pada 2 November 2012 oleh SP3 adalah berpadanan IP address 175.139.168.216. Dalam aspek ini, SP22 (TM) dan SP27 (SKMM) pula menyatakan bahawa IP address tersebut adalah dinamik ertinya ia adalah unik dan hanya wujud pada satu pengguna pada satu tempat dan masa, daripada berjuta-juta komputer yang ada. Dengan kata lain 'IP address' 175.139.168.216 hanya boleh keluar daripada sebuah komputer yang digunakan di RD Resources. Pemeriksaan SP16 mengesahkan hanya komputer perayu sahaja yang ada ciri-ciri digunakan untuk log-in Facebook 'Zul Yahya'. 'Log-in' pula adalah proses di mana pemilik sesuatu akaun Facebook sahaja boleh memuat naik misalnya gambar-gambar dari mana-mana sumber di internet ke akaun Facebook 'Zul Yahya'. Tindakan memuat naik gambar ke akaun Facebook hanya boleh dibuat sekiranya pengguna memiliki alamat emel (misalannya 'ibrahimosman106@ymail.com) dan password (misalannya 'akuibrahim') dan proses ini berbeza dengan semata-mata melayari Facebook. Alamat emel dan password tersebut berada di dalam komputer perayu maka tidak mungkin ia suatu kebetulan. IP address dan MAC address yang dikenal pasti daripada RD Resources dan kemudiannya dalam komputer perayu juga tidak mungkin suatu kebetulan.

- Semua keterangan di atas adalah menjurus kepada komputer perayu walaupun tiada keterangan terus bahawa perayulah yang telah menghantar komen berkenaan ke laman Facebook

'Zul Yahya' tetapi ada terdapat keterangan bahawa perayu mempunyai peluang dan cara untuk menghantar komen tersebut daripada komputer pejabatnya atau telefon bimbitnya.

- Merujuk pula kepada laporan pemeriksaan oleh SP18 iaitu eks. P22 dan eks. P33

- Laporan eks. P22 ada perbezaannya dengan laporan eks. P15 yang disediakan oleh SP16 mengenai beberapa aspek tertentu. SP18 di ms. 131 dalam rekod rayuan menerangkan seperti berikut:

  (a) Semasa menyediakan eks. P22 beliau tidak memeriksa komputer perayu untuk mencari alamat emel 'ibrahim osman106@ymail.com' dan password 'akuibrahim'.

  (b) Semasa menyediakan eks. P22 beliau tidak memeriksa komputer perayu untuk mencari gambar-gambar di Facebook 'Zul Yahya'.

  (c) Semasa menyediakan eks. P22 beliau tidak memeriksa komputer perayu di bahagian 'Internet history' untuk mengesan jika ada aktiviti melayari Facebook 'Zul Yahya'.

- Atas sebab-sebab di ataslah SP18 telah membuat laporan eks. P33 seperti berikut:

  (a) setelah ketiga-tiga perkara di atas dibuat pemeriksaan lanjut, maka beliau di perenggan 4.1.1, 4.1.2 dan 4.1.3 dalam eks. P33nya mengesahkan telah menjumpai alamat emel ibrahimosman106@ymail.com; password akuibrahim; 151 gambar-gambar dan juga alamat emel 'ibrahimosman106@ymail.com' di fail 'formhistory.sqlite' yang menunjukkan komputer perayu pernah digunakan untuk memasukkan alamat emel tersebut di laman web. Walau bagaimanapun SP18 menyatakan kesemua alamat emel dan password tersebut tidak dapat memasuki akaun Facebook 'Zul Yahya' kerana ia telah ditukar pada 24 April 2013 semasa SP18 mencubanya kali terakhir.

- Dalam aspek ini ada keterangan menunjukkan bahawa SP16 telah mencuba semua alamat emel dan password tersebut pada 4 November 2012 iaitu dua hari selepas komputer perayu dirampas pada 2 November 2012 dan telah berjaya memasuki akaun Facebook 'Zul Yahya'. SP16 juga telah mencuba memasuki akaun Facebook 'Zul Yahya' pada tarikh perbicaraan 2 Mei 2013 namun gagal kerana ia telah ditukar.

Walau bagaimanapun hal ini tidak menukar hakikat bahawa alamat emel dan password tersebut telah berjaya memasuki akaun Facebook 'Zul Yahya' sebaik sahaja komputer perayu dirampas pada 2 November 2012.

(2) Hasil pemeriksaan SP16 dan SP18 ke atas telefon bimbit iPhone perayu (eks. P19D)

- Mahkamah juga merujuk kepada hasil pemeriksaan kedua-dua saksi pakar iaitu SP16 dan SP18 ke atas telefon bimbit perayu. Dalam laporan eks. P15 di ms. 5 oleh SP16 jelas menunjukkan bahawa perkara-perkara yang sama dijumpai dalam komputer dan telefon bimbit perayu seperti berikut:

(a) alamat emel 'ibrahimosman106@ymail.com' dan password 'akuibrahim' dijumpai di notes telefon tersebut yang telah dipadam (deleted).

(b) terdapat SMS kepada empat penama dengan kata-kata yang jelas supaya laptop perayu disembunyikan juga telah dipadamkan (deleted).

(c) terdapat SMS yang menyentuh perkara 'Zul Yahya' di dalam telefon perayu juga telah dipadamkan (deleted).

(d) laporan eks. P22 oleh SP18 di ms. 9 di bawah tajuk 'Outgoing Text Messages' dan 'Incoming Text Messages' adalah dirujuk. Terdapat empat SMS 'Outgoing Text Messages' iaitu SMS daripada perayu telah dihantar kepada Ali bin Abd Jalil yang kesemuanya berkaitan dengan subjek pertuduhan dan keterangan pendakwaan seperti perkataan-perkataan "nama dah tukar jadi Zul Yahya gambar org"; "Fb sama"; "and hamun Sultan Johor kat wall dia"; "Amad emel Ali printscreen and hamun Sultan Johor" dan "Fb yang ibrahimosman tu, nama dah jadi Zul Yahya".

(e) Dalam laporan eks. P22 oleh SP18 di ms. 9 pula di bawah tajuk 'Incoming Text Messages' ada jelas menyebut antara lainnya berbunyi "saya baru ditahan oleh ASP Tan Seng Lee … tuduhan mengutuk Sultan Johor di Facebook ... no telefon saya +60196453196 …"

- Mahkamah amati jika diteliti kesemua perkataan-perkataan dalam SMS tersebut sememangnya bercakap tentang kes ini terutamanya SMS terakhir tentang perayu ditangkap oleh ASP Tan Seng Lee (SP30) pada 2 November 2012 konsisten dengan tarikh serbuan oleh SP3 dan juga pengakuan perayu

mengenai nombor telefon bimbitnya yang telah dibuktikan oleh pihak Celcom melalui SP23 bahawa 0196453196 adalah nombor perayu sepertimana dizahirkan melalui customer profile 'eks. P27A'.

- Mahkamah juga merujuk kepada laporan eks. P15 oleh SP16 di bawah tajuk 'Messages/SMS' di mana SMS-SMS berikut juga berada di dalam telefon bimbit perayu (eks. P19A):

(a) From +60192243802 Message "Hehe … ye la … sya nak perhatian awak la … awk tu sibuk sembang kutuk polis dan sultan … = syg, jgn merepek dah … pergi buat kerja jadi pekerja n umat yang disayangi Allah dan Rasulnya … I love u. Muah"

(Rujuk ms. 7 laporan eks. P15)

- Norazlina binti Ahmad (SP23) daripada Celcom mengesahkan nombor +60192243802 didaftarkan di bawah nama Fadhilah Md Fazil. Penama 'Fadhilah Md Fazil' ini dirujuk sebagai '... Wife Fadhilah Bt Md Fazil 9 April 890112-10-5286. Kawin 1 September 2012.'

(Rujuk ms. 11 laporan eks. P15)

(b) From +60139765683 Message "Ahmad hamun guna fb mana1?"

(Rujuk ms. 8 laporan eks. P15)

(c) To +60139765683 Message "Fb yang Ibrahim osman tu, tp nama dah jd zul yahya."

(Rujuk ms. 8 laporan eks. P15)

(d) To 0139765683 Message "Fb fake amad tu dah kena blok dia suruh sahkan tu memang amad, tp amad tak dapat jawab soalan dia, so skrg tak bleh log in"

SP23 mengesahkan nombor +60139765683 didaftarkan di bawah nama 'Ali bin Abdul Jalil'.

(Rujuk ms. 9 laporan eks. P15)

(e) Ada empat SMS kepada nombor-nombor 0139685683 (A Kak Lang); 0192333428 (A Abg Ngah); 0122661522 (A Adam Maxis) dan 0192243802 (Wife Fadhilah Bt Md Fazil) 9 April 890112-10-5286 Kahwin 1 September 2012) bertarikh 2 November 2012 (malam serbuan oleh SP3) jam 2.11 pagi.

A

> Tolong sorok laptop amad segera! Sorok dalam semak! atau tampat yg tak boleh dicari langsung … SEGERA!

(Rujuk ms. 11 hingga 12 laporan eks. P15)

Kesemua SMS tersebut berstatus 'Sent' berada di dalam telefon bimbit perayu dan berjaya dikeluarkan oleh SP16.

B

- Selain kandungan SMS yang berkaitan dengan subjek pertuduhan juga didapati isu 'conduct' terutamanya 'subsequent conduct' perayu di dalam menghantar atau memadamkan SMS-SMS tersebut adalah suatu yang relevan di bawah s. 8 Akta Keterangan 1950. Rujuk ' illustration (e) s. 8 Akta bekenaan seperti berikut:

C

(e) A is accused of a crime.

> The fact that either before or at the time of or after the alleged crime A provided evidence which would tend to give to the facts of the case an appearance favourable to himself, or that he destroyed or concealed evidence or prevented the presence or procured the absence of persons who might have been witnesses or suborned persons to give false evidence respecting it are relevant.

D

E

- Jadi kesemua penemuan di atas tersebut dirungkap semula berlaku di dalam turutan seperti berikut:

(a) komen jelik dilihat oleh SP10 pada 10 Oktober 2012 semasa melayari Internet di pejabatnya.

F

(b) pemantauan SKMM melalui SP27 mendapati asal-usul komen tersebut adalah dari tempat perayu bekerja di RD Resoursces Sdn Bhd (eks. P36) berdasarkan IP address.

(c) selain IP address 175.139.168.216 SKMM juga mendapati MAC address 34:08:04:c9:52:bd yang mana adalah sama pada eksibit modem sepertimana dalam laporan dapatan oleh SP16 di ms. 312 perenggan 5 dan di ms. 313 perenggan 3 rekod rayuan jilid 2.

G

(d) pemeriksaan awal oleh SP16 di premis RD Resources pada 2 November 2012 terhadap semua komputer meja di situ sebanyak lapan buah mendapati hanya komputer perayu yang mengandungi bahan yang disyaki dalam kes ini.

H

(e) komputer pejabat yang berada di meja perayu diperiksa oleh SP16 pada 2 November 2012 di RD Resources Sdn Bhd dan didapati mengandungi alamat emel

I

'ibrahimosman106@ymail.com' serta password 'akuibrahim' yang boleh melayari akaun Facebook Zul Yahya.

(f) terdapat perkara yang sama iaitu 'ibrahimosman@ymail.com' serta password 'akuibrahim' dalam telefon bimbit perayu.

(g) terdapat sebanyak 151 gambar di dalam komputer pejabat perayu sepertimana di ms. 312 dan ms. 441 perenggan 4.1.2 dalam rekod rayuan jilid 2, yang berpadanan dengan gambar-gambar di dalam Facebook Zul Yahya.

(h) terdapat beberapa SMS di dalam telefon bimbit perayu yang relevan dengan perkara kes ini termasuklah permintaan perayu kepada empat orang saudara terdekatnya menyembunyikan laptop perayu yang mana tidak dijumpai sehingga sekarang.

(iv) kesemua keterangan SP16 dan SP18 di atas tersebut tidak mungkin wujud sama macam dizahirkan oleh wakil syarikat Celcom iaitu Khairul Anuar (SP24) dan Haizal bin Hambali (SP25) pada satu masa dan ketika secara kebetulan.

(v) penemuan SP16 dan SP18 dilihat bersama-sama keterangan SP24 dan SP25 sepertimana di ms. 171 hingga 176 dan di ms. 181 hingga 185 dalam rekod rayuan tambahan berserta transkrip panggilan (eks. P32) di ms. 433 bilangan 1 hingga 25 dalam rekod rayuan jilid 2 telah berjaya 'triangulate' pancaran daripada telefon bimbit perayu bernombor 0196453196 untuk menunjukkan bahawa pada 10 Oktober 2012 antara jam 9.01 pagi sehinggalah jam 6.06 petang, perayu telah berada di kawasan pemancar TM Taman Melawati, Setia Wangsa 2 dan Taman Wangsa Maju. Alamat RD Resources di mana perayu bertugas ialah No. 3, Jalan Wangsa Delima II, Seksyen 5, 53300 Kuala Lumpur.

(vi) SP25 pula menyatakan sepertimana di ms. 183 dalam rekod rayuan tambahan bahawa transaksi ini dibuat di dalam kawasan liputan stesen pemancar TM Wangsa Maju. Untuk stesen TM Wangsa Maju kawasannya tiada nombor yang spesifik bergantung kepada kawasan tetapi untuk kawasan bandar biasa radiusnya di dalam 500 meter. Maksudnya nombor talian yang digunakan adalah dalam radius 500 meter stesen pemancar. Sehubungan, buku daftar (eks. P12A) sepertimana terpapar di ms. 305 rekod rayuan jilid 2 menunjukkan perayu telah masuk kerja di RD Resources Sdn Bhd. Secara keseluruhannya keterangan di atas menunjukkan bahawa perayu berada di pejabat atau berhampiran kawasan pejabatnya pada kira-kira jam 6.00 petang pada 10 Oktober 2012.

[13] Mahkamah memutuskan keseluruhan keterangan di atas jelas telah membuktikan semua elemen kesalahan di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

[14] Berikutnya adalah penjelasan kepada alasan-alasan rayuan pihak perayu mengikut pengkhususan isu dibangkitkan.

Mempertikaikan Hasil Pemeriksaan SP16 Dan SP18

[15] Berasaskan penjelasan yang diberikan oleh SP10, SP16, SP18, SP24, SP25 dan SP27 berkait isu yang dianalisakan di atas sebelum ini, maka mahkamah merumuskan mana mungkin perayu tanpa sebarang bantuan khidmat profesional sewenang-wenangnya membuat konklusi bahawa SP16 gagal membuktikan ID 'ibrahimosman106@ymail.com' serta password 'akuibrahim' boleh mengakseskan Facebook 'Zul Yahya'.

[16] Dakwaan perayu sedemikian adalah hambar semata-mata kerana kalau dirujuk laporan SP16 di eks. P15 telah dizahirkan pemeriksaan telah dibuat pada 2 dan 3 November 2012. Tarikh tersebut amat penting kerana sebarang maklumat penemuan pemeriksaan oleh SP16 dan SP18 masih belum diketahui umum khususnya perayu.

[17] Lagipun SP16 di dalam laporannya itu jelas menyatakan hasil pemeriksaan analisisnya ke atas komputer yang dirampas mendapati alamat emel 'ibrahimosman106@ymail.com' digunakan sebagai 'log-in-ID' kepada akaun Facebook 'Zul Yahya'. Maklumat ini diperolehi hasil pemeriksaan dengan hanya menaip sebarang huruf di atas 'keyboard cache' komputer tersebut. Hasil semakan fail 'recycle bin' pula SP16 menjumpai beberapa gambar yang telah dipadamkan (deleted). Bila SP16 bandingkan dengan akaun Facebook 'Zul Yahya' kelihatan adanya persamaan.

[18] Jadi setakat pemeriksaan balas yang intensif serta cadangan-cadangan tertentu sahaja pasti tidak boleh mengubah keputusan dan dapatan pemeriksaan SP16 dalam eks. P15 pada 2 dan 3 November 2012.

[19] Mahkamah juga amati semua dokumen termasuklah laporan eks. P15 telah diserahkan kepada perayu selepas beliau dikenakan pertuduhan. Jadi tidak hairanlah keterangan SP16 pada 6 Februari 2013 dan selepasnya adalah berbeza kerana sebelum kes bermula, makluman tentang apakah 'log-in-ID' dan 'password' sudah sampai pada pengetahuan perayu.

[20] Maka adalah suatu yang dijangkakan apabila SP16 membuat ujian demonstrasi ke atas komputer perayu pada 6 Februari 2013 beliau telah gagal memasuki akaun Facebook 'Zul Yahya' menggunakan 'log-in-ID' 'ibrahimosman106@ymail.com' serta password 'akuibrahim'.

[21] Begitu juga SP18 hanya berpeluang membuat pemeriksaan lanjutan ke atas komputer perayu pada 14 Mac 2013. Mengikut laporannya eks. P33 memang ada emel address 'ibrahimosman106@ymail.com' serta password

'akuibrahim' di dalam hard-drive tetapi di atas alasan yang sama menimpa SP16 sepertimana dijelaskan sebelum ini memang telah dijangkakan SP18 turut tidak dapat mengakses Facebook 'Zul Yahya'.

[22] Namun begitu, mahkamah merumuskan apa yang material atau relevan ialah 'log-in-ID' ibrahimosman106@ymail.com serta password 'akuibrahim' boleh mengakses akaun Facebook 'Zul Yahya' pada kali pertama ia dianalisakan oleh SP16 pada 2 dan 3 November 2012 dan sebaik sahaja maklumat tersebut diketahui umum semasa perbicaraan maka kedua-dua 'log-in ID' dan password telah diubah semasa ujian dilakukan ketika perbicaraan berjalan.

Dapatan SP16 Dan SP18 Tentang Foto-foto Di Facebook 'Zul Yahya' Yang Juga Berada Dalam Komputer Perayu

[23] Selain wujudnya 'log-in-ID' dan 'password' yang boleh mengakses Facebook 'Zul Yahya' ada juga dinyatakan oleh SP18 di dalam laporannya eks. P33 di perenggan 4.1.2 di ms. 441 dalam rekod rayuan jilid 2 seperti berikut:

> Found 151 photos that are matched with the photos in 'Zul Yahya' facebook account.

[24] Penemuan yang sama telah diperolehi oleh SP16 di dalam laporannya eks. P15 sepertimana terdapat di ms. 318 hingga 347 dalam rekod rayuan jilid 2 di mana kesemua foto-foto tersebut disenaraikan. Fakta ini amatlah relevan dan penting kerana jumlah 151 foto bukanlah kecil dan oleh itu persamaannya bukanlah kebetulan di dalam Facebook 'Zul Yahya'.

'Time Stamp' Foto-foto Dimuatnaik Ke Facebook 'Zul Yahya' Daripada Komputer Perayu

[25] Satu lagi aspek yang perlu diambil kira ialah penerangan SP16 tentang mengapa foto-foto di komputer perayu adalah sama dengan foto-foto yang telah dimuat naik ke Facebook 'Zul Yahya'. Mengikut SP16 ianya sedemikian kerana foto-foto tersebut merekodkan 'time-stamp' iaitu waktu foto itu dimuat naik serta dipadamkan dan sebagainya sepertimana terdapat di ms. 105 hingga 106 dalam rekod rayuan tambahan berikut:

> Gambar di bawah muka surat 5 of 36 – adalah gambar yang sama terdapat di Facebook 'Zul Yahya' tersebut. Gambar seterusnya, gambar UMNO, logo perhimpunan terdapat di page-page seterusnya. Jika kita lihat gambar ini, gambar ini telah diloadkan pada 9.53 pagi 6.8.2012. Ini adalah 'data life'. Jika dibandingkan dengan muka surat 5 of 36 yang laporan saya tadi, kita lihat dia punya 'time-stamp' modified date adalah waktu gambar itu di delete. Modified date menunjukkan 6.8.2012 jam 9.48 pagi. Dan waktu 9.48 pagi adalah waktu komputer yang dianalisa ini P1 yang dirampas. Jika dirujuk pada muka surat 9 of 36, gambar yang sama pada 16.8.2012 jam 9.13 pagi telah di delete lagi dari komputer yang dianalisa. Gambar tersebut jika dibandingkan dalam Facebook 'Zul Yahya' adalah gambar ini

A yang telah di upload pada 9.23 pagi pada tarikh yang sama. Ini menunjukkan gambar tersebut wujud di dalam komputer pada tarikh dan masa yang sama apa yang terdapat di dalam laman Facebook 'Zul Yahya'. Gambar ini ada di dalam komputer dan juga di dalam laman Facebook 'Zul Yahya' pada tarikh 6.8.2012 dan 16.8.2012.

B Kesemua gambar yang terdapat dalam Facebook 'Zul Yahya' tersebut wujud di dalam komputer yang saya analisa. Kesemua gambar lebih kurang 88 gambar kesemuanya yang saya kenal pasti berada di dalam Facebook 'Zul Yahya' dan di dalam komputer yang dianalisa. Terdapat juga 'repetition' (gambar yang sama berulang) sedikit.

C **[26]** Mahkamah juga merujuk kepada ms. 115 dalam rekod rayuan tambahan berkenaan penjelasan tambahan oleh SP16 berkenaan mendapat semula data yang telah didelete dan meta data dan tiga jenis tarikh iaitu 'created date', 'modified date' dan 'access date' yang mana masanya adalah sama. Pada fail juga terdapat 'random number' yang panjang yang diberikan oleh komputer bukan manusia.

D **[27]** Selanjutnya di ms. 117 rekod rayuan tambahan SP16 menyatakan seperti berikut:

Jika dibandingkan dengan kes ini saya menjumpai gambar-gambar yang terdapat di dalam 'recycle bin' dengan tarikh-tarikh yang dinyatakan di
E dalam laporan saya. Tarikh-tarikh itu adalah fail di create di dalam komputer itu iaitu di download pada komputer itu.

Penemuan Perkataan "Kulitnya Putih Seperti Kulit Babi" Dalam Komputer Perayu

[28] Rujuk ms. 348 dalam rekod rayuan jilid 2 menzahirkan SP16 menjumpai perkataan-perkataan jelik "kulitnya putih seperti kulit babi"
F dalam 'files/farmhistory.sqlite (HTML link)'. Walaupun data tersebut tidak mempunyai lagi maklumat kerana telah di 'overwrite' kewujudannya di dalam komputer perayu namun ianya bukanlah satu kebetulan dan fakta ini wajar dipertimbangkan dengan laporan-laporan di eks. P15, eks. P22 dan eks. P33 secara keseluruhannya.

G *Emel 'ibrahimosman106@gmail.com' Pernah Ditaip Dalam Komputer Perayu*

[29] Rujuk ms. 118 hingga 119 dalam rekod rayuan tambahan menzahirkan SP16 telah menjumpai emel 'ibrahimosman106@ymail.com', ruangan 'log-in' komputer perayu menggunakan Internet browser Firefox.

H **[30]** Di ms. 119 rekod rayuan tambahan SP16 mengatakan seperti berikut:

Sekiranya komputer tersebut tidak pernah melayari atau tidak pernah menaip/ditaip, data-data tersebut tidak akan dijumpai. Ia adalah unik.

[31] Di ms. 119 hingga 120 rekod rayuan tambahan pula SP16 dipetik
I berkata seperti berikut:

Terdapat 2 kemungkinan ianya ditaip dan juga kemungkinan komputer ini pernah membuka atau membalas komen sesuatu laman web. Pernah di access. Data-data tersebut boleh diekstrak menggunakan perisian forensic seperti FTK dan Endcase.

[32] Berkait dakwaan perayu terhadap perbezaan hasil pemeriksaan SP18 dan SP16 sepertimana dizahirkan di ms. 29 hingga 33 dalam hujahan bertulis rayuan perayu, maka mahkamah akur akan adanya salah faham berhubung isu ini kerana SP18 telahpun memberi penjelasan yang secukupnya seperti di bawah berikut:

(i) SP18 telah mengemukakan dua laporan iaitu eks. P22 dan eks. P33. Laporan eks. P33 dibuat kerana semasa beliau menyediakan laporan eks. P22 terdapat tiga perkara yang tidak dicarinya seperti disenaraikan di bawah ini:

(a) alamat emel 'ibrahimosman106@ymail.com dan password 'akuibrahim'.

(b) gambar-gambar di Facebook 'Zul Yahya', dan

(c) 'Internet history' untuk mengesan jika ada aktiviti melayari Facebook 'Zul Yahya'.

(ii) setelah laporan eks. P33 disediakan maka dapatan SP18 adalah hampir sama dengan laporan eks. P15 yang disediakan oleh SP16.

(iii) laporan eks. P22 dan eks. P33 mengesahkan antara lainnya wujud elemen seperti 'log-in-ID' 'ibrahimosman106@ymail.com' dan password 'akuibrahim' dalam komputer perayu sama macam dapatan SP16 dalam laporan eks. P15.

(iv) semasa SP18 menjalankan analisis berkait laporannya di eks. P22 pada 19 Januari 2013 dan eks. P33 pada 15 April 2013 beliau gagal memasuki akaun Facebook 'Zul Yahya' atau mengaitkannya dengan perayu. Penjelasan SP18 mengenai hal ini seperti di ms. 195 dalam rekod rayuan tambahan dipetik di bawah berikut:

> Setakat 24.4.2013 akaun facebook 'Zul Yahya' ini masih lagi wujud. Antara sebabnya adalah alamat email untuk 'log-in' akaun tersebut telah ditukar atau password nya telah ditukar. Saya tidak boleh pastikan bila pertukaran ini berlaku.

Namun begitu, SP16 melalui laporan analisisnya eks. P15 membuktikan sebaliknya yang dia telah berjaya memasuki dengan menggunakan 'log-in-ID' dan 'password' berkenaan pada 2 dan 3 November 2012.

(v) tarikh 24 April 2013 adalah material kerana itu tarikh SP18 mencuba 'log-in' tapi gagal. Bandingkan fakta ini dengan keterangan SP16 yang telah berjaya 'log-in' pada 2 dan 3 November 2012 sebelum ini.

(vi) keterangan SP18 sebenarnya menyokong SP16 kerana walaupun SP18 tidak dapat mengaitkan secara terus komputer perayu mengakses akaun Facebook 'Zul Yahya' tetapi SP18 telah membuktikan 'alat' atau 'senjata' iaitu 'log-in-ID' dan 'password' untuk melakukan kesalahan ada pada komputer perayu.

Mahkamah ibaratkan keadaan ini sama macam senjata pembunuhan misalnya pistol dijumpai pada tertuduh maka ianya boleh mengaitkannya dengan kesalahan membunuh walaupun tertuduh sendiri tidak dilihat menembak simati.

(vii) SP16 telahpun mengakses akaun Facebook 'Zul Yahya' terlebih awal pada 2 dan 3 November 2012 menggunakan 'log-in-ID' 'ibrahimosman106@ymail.com' dan 'password' 'akuibrahim' dalam komputer perayu.

(viii) dakwaan terhadap SP18 dan SP16 gagal mengambil kira penerimaan SMS di dalam telefon bimbit perayu eks. P19D dan kad simnya eks. P19E yang mana tidak mungkin adalah kebetulan.

(c) Alasan ketiga

(Orang lain juga mempunyai akses kepada komputer perayu)

[33] Berdasarkan keterangan terus dan mengikut keadaan berikut ini, mana mungkin dikatakan orang lain juga mempunyai akses kepada komputer perayu:

(i) Abdul Rahim bin Din (SP6) iaitu pengarah urusan di RD Resources Sdn Bhd beralamat di No. 30-3, Jalan Wangsa Delima 11, Seksyen 5, 53300 Wilayah Persekutuan mengesahkan bahawa perayu adalah salah seorang pegawai di situ (eks. P10) pada tarikh-tarikh di dalam pertuduhan.

(ii) SP6 juga menyatakan kesemua komputer meja di pejabat itu mempunyai kemudahan Internet yang dibekalkan oleh TM.

(iii) Nurul Jawahir (SP22) merupakan penolong pengurus system and security management di TM Malaysia, mengesahkan bahawa RD Resources memiliki kemudahan Internet dan menjadi pelanggan TM sejak 26 September 2011 (eks. P24 dan eks. P25).

(iv) kesemua pegawai atau kakitangan RD Resources kecuali Norazma bin Zahari (SP8) dan Ayob (SP20) tidak pernah menggunakan komputer meja eks. P20 dan eks. P20A kepunyaan perayu.

(v) SP8 dan SP20 walaupun pernah menggunakan komputer meja perayu tetapi tidak pernah menggunakannya untuk tujuan melayari Facebook malahan hanya sekadar untuk tujuan kerja sahaja.

(vi) kesemua pegawai atau kakitangan di RD Resources menafikan telah menghantar komen-komen seperti yang tertera di dalam pertuduhan.

(vii) pada tarikh-tarikh komen tersebut dibuat iaitu pada jam lebih kurang 6 petang haribulan 10 Oktober 2012 dan jam lebih kurang 11.30 pagi haribulan 12 Oktober 2012, Siti Zanariah (SP9) yang ditugaskan untuk memantau kehadiran pegawai atau kakitangan RD Resources mengesahkan bahawa perayu bekerja dan berada di RD Resources pada hari tersebut (eks. P12A dan P12B iaitu buku daftar kedatangan). Fakta ini turut disahkan oleh saksi-saksi lain seperti SP12, SP13 dan SP14 yang masing-masing telah turut mengecamkan tulisan dan tandatangan ringkas perayu di dalam buku daftar kedatangan berkenaan.

[34] Dalam hal ini, mahkamah perhatikan di dalam nota keterangan kes bahawa peguambela perayu telah menyoal balas saksi-saksi pendakwaan bagi mempertikaikan kehadiran perayu pada waktu-waktu tertentu pada tarikh-tarikh tersebut. Namun begitu, mahkamah amati rekod yang ada pada buku daftar kedatangan eks. P12 adalah jelas. Dalam hal ini mahkamah merumuskan sekiranya perayu mahu membuktikan dia tiada di pejabat maka undang-undang meletakkan beban bukti sedemikian kepada perayu dan bukannya pada pihak pendakwaan menunjukkan bahawa perayu hadir tetapi keluar pada waktu-waktu tertentu sepertimana diperuntukkan di bawah s. 103 Akta Keterangan 1950 berikut:

> That burden of proof as to any particular fact lies on that person who wishes the court to believe in its existence …

[35] Mahkamah juga merujuk kepada peruntukan 'illustration (b)' pada s. 103 Akta Keterangan 1950 berikut:

> B, wishes the court to believe that at the time in question he was elsewhere. He must prove it.

[36] Mahkamah juga ingin menggunakan prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Malaysia di dalam kes *Mirza Murtala v. PP* [2010] 4 CLJ 150 di ms. 162 perenggan 18 petikannya seperti berikut:

> In the cross-examination of SP6 it was put to him by learned counsel for the 1st accused that the discussion which the 1st accused had with SP6 was solely on the possibility of SP6 finding a job for the 1st accused and not about selling of drugs. With regard to this we are conscious of the trite principle of law that suggestions made to the prosecutions witnesses at the prosecution's stage by the defence are not evidence and remains mere suggestion.

(See *PP v. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215; [1999] 2 MLJ 1. Approving *Emperor v. Karimuddi Sheikh* AIR (1932) Cal 375).

[37] Berpaksi keputusan itu maka mahkamah merumuskan di sini bahawa cadangan peguambela semata-mata kepada saksi-saksi RD Resources Sdn Bhd bahawa perayu tiada di pejabat bukanlah merupakan keterangan yang nyata.

(d) Alasan keempat

(Oleh kerana orang lain juga mempunyai akses kepada komputer perayu maka peruntukan anggapan di bawah s. 114A Akta Keterangan 1950 tidak boleh diguna pakai oleh pihak pendakwaan)

[38] Mahkamah merujuk kepada peruntukan s. 114A Akta Keterangan 1950 yang telah mula berkuatkuasa mulai 31 Julai 2012 dan oleh yang demikian adalah terpakai pada kes ini.

[39] Sehubungan dengan itu dirujuk juga s. 4(1) Akta Keterangan 1950 seperti berikut:

> 4. Presumption
>
> (1) Whenever it is provided by this Act that the court may presume a fact, it may either regard the fact as proved unless and until it is disproved, or may call for proof of it.

[40] Subseksyen 114A(1) Akta Keterangan 1950 pula memperuntukkan, antara lainnya, seseorang yang menggunakan nama samaran atau 'pseudonym' yang mana diterbitkan dan menggambarkan orang itu sebagai hos atau pemilik, atau di dalam apa-apa cara membantu menerbitkan atau menerbitkan semula sesuatu penerbitan adalah dianggap sebagai telah menerbitkan atau menerbitkan semula sesuatu penerbitan itu, melainkan yang sebaliknya dibuktikan. Mengenai isu 'pseudonym' terdapat keterangan daripada Nor Haffizul bin Yahya (SP5) bahawa nama beliau dan latar belakang beliau iaitu sebagai pekerja di Syarikat Prasarana dan pelajar Kolej Matrikulasi Johor telah diambil dan dipaparkan kononnya sebagai pemilik akaun Facebook 'Zul Yahya' apabila dirujuk kepada 'printscreen' eks. P4.

[41] Adalah jelas bahawa nama dan latar belakang SP5 telah dipergunakan. SP16 juga telah menyatakan bahawa dalam pengalamannya mengendalikan kes-kes siber penggunaan nama samaran atau identiti palsu adalah suatu yang lazim.

[42] Rujuk sub-s. 114A(3) Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa seseorang yang memiliki komputer yang mana sebarang penerbitan dibuat adalah dianggap telah menerbitkan penerbitan tersebut melainkan perkara yang sebaliknya dibuktikan. Dalam hal ini, mahkamah merumuskan walaupun tiada komen yang sepenuhnya dijumpai daripada komputer perayu, namun alamat emel 'ibrahimosman106@ymail.com', password 'akuibrahim', 151 gambar-gambar dan juga alamat emel 'ibrahimosman106 @ymail.com' di fail 'formhistory.sqlite' telah dijumpai di dalamnya.

[43] Selanjutnya SP16 juga telah membuat pemeriksaan ke atas 'keyboard cache' komputer perayu dan menjumpai sebahagian perkataan yang berada di dalam komen iaitu "kulitnya putih seperti kulit babi" sepertimana di ms. 34/36 eks. P15 di bawah tajuk 'Bookmark:text'. Keterangan ini penting

dan perlulah dilihat secara kumulatif dengan semua keterangan lain iaitu hasil pemeriksaan SP16 dan SP18 terhadap isi kandungan komputer dan telefon bimbit perayu termasuklah SMS-SMS yang diterima atau dibuat.

[44] Atas semua keterangan yang dihuraikan dan diperjelaskan di atas tersebut maka mahkamah ini memutuskan adalah wajar ianya diguna pakai sebagai 'rebuttable presumption', di bawah s. 114A Akta Keterangan 1950 bahawa perayulah dan tidak ada orang lain yang telah memuat naik komen seperti di dalam pertuduhan berkaitan kes ini.

[45] Keputusan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Tuan PK Ravinthran a/l Paramaguru (beliau ketika itu) di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Sabah, dalam kes *PP v. Rutinin Suhaimin* [2013] 2 CLJ 427 (Criminal Appeal No: K42-60-2010) adalah dirujuk. Kes ini telah diputuskan sebelum s. 114A Akta Keterangan 1950 berkuatkuasa di mana Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan telah memanggil pembelaan OKT setelah Hakim Mahkamah Sesyen telah melepaskan dan membebaskan OKT tersebut tanpa memanggil pembelaannya berdasarkan alasan-alasan berikut:

(i) that there is no direct evidence the accused posted the remark in question

(ii) the internet could have been accessed by anyone from the computer in question

(iii) the workers of the accused who were called by the prosecution testified that there were others at the shop at the material time. He said the workers could not verify if the accused was at the shop at the material time the posting in question was made.

(iv) the prosecution had not given sufficient evidence in respect of IP and MAC address 'spoofing' which is actually impersonation of the IP and MAC addresses. Learned counsel for the accused had asked the Telekom Malaysia Bhd witnesses if 'spoofing' is possible.

[46] Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman di ms. 7 alasan penghakimannya berkata seperti berikut:

> The learned Session Court Judge adverted to the lack of direct evidence as fatal. He has arred in coming to the conclusion as he completely failed to consider the strength of the circumstances evidence in this case.
>
> Circumstancial evidence must be given due weight if it point irresistibly, inexorably and unerringly to the guilt of the accused (see *Jayaraman & Ors v. PP* (1982) 2 MLJ 273; *Sunny Ang v. PP* case (1966) 2 MLJ 195). The circumstance evidence in this case came from PW1, the Telekom Malaysia Bhd witnesses and the forensic expert from Cybersecurity Malaysia. As outlined in the summary of evidence, the prosecution witnesses testified virtually unchallenged that the offensive remark in question was posted on the visitor book of HRH Sultan of Perak's hompage. The user's IP address was captured by PW1. This IP address was traced by the internet

service provider (Telekom Malaysia Bhd) as having been assigned to the internet account of the accused person at the time the communication was made. PW4, PW5, PW6 and PW12 from Telekom Malaysia Bhd gave evidence that the internet account belonged to the accused. Furthermore the transaction in question matched the MAC address of the computer that was found with an active internet connection in the shop of the accused person. As recounted earlier, the MAC address is the unique address given by the manufacturer of a particular device. The evidence of the prosecution witness simply means that the communication was made from the internet account and the computer of the accused person. The learned Session Court Judge considered the submission that the IP and MAC address could have been spoofed (impersonated) and that sufficient evidence was not adduced on this point by the prosecution. My respectful view is that the learned Session Court Judge had erred in so holding. The prosecution is not obliged to speculate on potential defences. If there was any evidence of impersonation, it is up to the accused to tender evidence to support such a defence. In any event, the prosecution witnesses testified that it is not possible to spoof both the IP address and the MAC address at the same time. As there is no expert opinion evidence to the contrary, the learned Session Court Judge should have not considered the possibility of spoofing in the instant case at the end of the case for the prosecution.

[47] Jadi pada keseluruhannya, mahkamah ini berpuas hati dan akur dengan kesimpulan yang dibuat oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah (2), Johor Bahru, Johor, di dalam alasan penghakimannya di ms. 165 hingga 168 rekod rayuan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima-facie* berkait pertuduhan di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang telah dikenakan terhadap perayu. Maka dalam keadaan sedemikian wajarlah perayu di sini dipanggil untuk memberi pembelaan terhadap pertuduhan tersebut.

(e) Alasan Kelima

(Keterangan SB2, SB3 dan eks. IDD38 dikatakan dapat mematahkan kaitan perayu dengan kesalahannya di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)).

[48] Menghairankan kenapa SB2 dan SB3 memulakan keterangan dengan meminta perlindungan di bawah s. 132 Akta Keterangan 1950. Bagaimana mungkin seorang awam yang tidak mempunyai kelulusan undang-undang boleh menyebut suatu seksyen di bawah Akta Keterangan 1950 yang khusus, jarang digunakan, seolah-oleh mereka biasa dengannya. Ini suatu yang ganjil. Namun begitu, ianya boleh diaturkan kerana terdapat masa yang panjang diberikan untuk menyediakan kes pembelaan. Untuk makluman kes *prima facie* diputuskan pada 14 Jun 2013 dan pembelaan hanya bermula pada 25 Julai 2013. Tempoh ini adalah lebih kurang sama dengan tempoh pra-bicara dan pengurusan kes walaupun pihak pembelaan telah berpeluang menyoal balas seramai 30 orang saksi pendakwaan.

[49] Kenyataan ini disokong oleh keterangan SP16 yang bermula pada 6 Februari 2013 telah membuat demonstrasi antara lainnya tentang 'hash value' dan dapatan 'ibrahimosman106@ymail.com' pernah ditaip dalam komputer perayu (computer cache) di ruangan 'login' menggunakan 'Internet-Browser Firefox' termasuklah borang perkahwinan perayu. SP16 juga telah menjumpai di 'reg-email' alamat emel 'ibrahimosman106@ymail.com' dan nama-nama seperti 'Amad', 'Zul Yahya' dan 'Ibrahim'. Pembelaan telah memohon 'reserve cross-examination' pada 6 Februari 2013 setelah pemeriksaan awal SP16 selesai. Berikutnya dirujuk kepada keterangan SB2 yang menyatakan pada 7 Februari 2013 terdapat satu posting di akaun Facebook 'Zul Yahya' menzahirkan kekesalan penghantar 'posting' di atas perayu dituduh yang turut menyatakan 'aku pun tak tahu mamat itu yang dituduh'. Persoalannya adakah suatu kebetulan 'posting' itu dibuat pada 7 Februari 2013 sehari selepas SP16 memberi keterangan pada 6 Februari 2013 dan menceritakan semua perihal dalam komputer dan telefon bimbit perayu. Anehnya bagaimana penghantar posting hanya tahu dan menyesal perayu dituduh pada 7 Februari 2013 sedangkan perayu telah dituduh pada 28 November 2012 lagi.

[50] Keterangan 'afterthought' juga ketara jika dihalusi keterangan SB4 iaitu kakak perayu. SB4 hanya menerima SMS daripada 'Zul Yahya' pada hujung bulan Jun 2013. Persoalannya mengapa begitu lewat hanya selepas pembelaan dipanggil pada 14 Jun 2013. Anehnya tiada apa-apa berlaku sebelum pembelaan dipanggil. Juga tiada keterangan tentang adanya SMS yang kononnya SB4 saling menghubungi orang yang berkenaan. Yang ada dalam keterangan hanyalah SMS perayu kepada SB4 meminta 'laptop' disembunyikan tetapi menghairankan SB4 menafikan fakta tersebut.

[51] Apa yang dapat dirumuskan di sini ialah keterangan tersebut dibuat khusus hanya selepas SP16 memberikan keterangan awal dan itu adalah suatu dikatakan 'afterthought' kerana pihak-pihak yang 'privy' kepada keterangan SP16 hanyalah mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya, peguambela, perayu dan ahli-ahli keluarganya. Mustahil seorang awam boleh tahu tentang keterangan SP16. Jadi perihal 'posting' itu jelas disimpulkan adalah rekaan pembelaan yang dibuat sebagai 'response' kepada keterangan SP16 pada 6 Februari 2013. Harus diingat bahawa pada 6 Februari 2013, SP16 tidak berupaya memasuki akaun Facebook kerana 'log-in-ID' dan 'password' telah ditukar. Kali terakhir Facebook tersebut dimasuki pada 3 November 2012 semasa pemeriksaan forensik komputer dibuat di makmal. Begitu juga dengan SP18 cubaan pada 24 April 2013 gagal akses kerana 'log-in-ID' dan 'password' telah ditukar. Maka penukaran hanya boleh dibuat oleh orang yang mengaksesnya dahulu dan sekarang.

[52] Semuanya ini agak menghairankan kerana sekiranya peruntukan s. 132 Akta Keterangan 1950 boleh dipakai kenapa pembuat 'posting' itu sendiri gagal tampil ke mahkamah ini dan mengaku sendiri dia yang menghantar

komen-komen jelik tersebut. Jika menyesal dan rasa bersalah mengapa berselindung di belakang SB2 dan SB3. Malahan s. 132 Akta Keterangan 1950 akan melindunginya jadi kenapa perlu rasa takut.

[53] Selanjutnya mengenai SB2 dan SB3, walaupun mereka telah menyatakan terlibat dengan suatu kumpulan bernama 'Occupy Dataran', langsung tiada keterangan diberikan tentang kumpulan tersebut bersabit dengan akaun 'Facebook' Zul Yahya. SB2 dan SB3 tidak menunjukkan sebarang perbincangan isu-isu semasa seperti pendidikan dan sebagainya dalam akaun Facebook 'Zul Yahya'. Apa yang ada hanyalah kata-kata nista dan karut yang tiada sebarang nilai seperti yang tertera dalam eks. P4 dan eks. P6. Juga sekiranya SB2 dan SB3 menggunakan akaun Facebook 'Zul Yahya' untuk perbincangan isu semasa, mengapa mereka tidak membuat sebarang posting. Bagaimana hendak berbincang jika sepatah perkataan pun tidak dipost. Juga apalah guna memiliki 'log-in-ID' dan 'password' jika tidak menggunakan langsung akaun Facebook itu.

[54] Adalah juga suatu keganjilan sebagai anggota suatu kumpulan sepatutnya saling mengenali namun begitu SB2 dan SB3 langsung tidak mengenali perayu.

[55] Juga agak menghairankan SB2 dan SB3 tidak menawarkan maklumat yang mereka ada kepada polis tetapi sebaliknya diberikan kepada SB4. Jika perayu yang menjadi mangsa kenapa tidak jumpa perayu terus sebaliknya menemui kakak perayu.

[56] Justeru, memandangkan SB2 dan SB3 langsung tiada kaitan dengan perayu maka mahkamah merumuskan bahawa mereka datang memberikan keterangan kerana 'dijemput' oleh pihak pembelaan untuk menolong kes pembelaan. SB2 dan SB3 langsung tiada sebarang hubungkait dan hanya tiba-tiba timbul dalam kes ini kebelakangannya. Keterangan mereka jelas tiada kredibiliti dan mereka sekadar berpura-pura simpati terhadap perayu.

[57] Berkenaan isu eks. IDD38 pula, maka mahkamah merumuskan bahawa eks. P6 adalah satu-satunya dokumen search list yang ada kerana Koperal Donny (SB7) telah memberikan keterangan yang jelas tentang isu ini selaku orang yang menulis eks. P6 dengan tangannya sendiri. Inspektor Zaihassyawa (SB8) pula mengatakan dia yang menurunkan tandatangan mereka pada eks. P6. Akhirnya, SP3 mengatakan dia yang menurunkan tandatangan di eks. P6. Oleh yang demikian, isu eks. IDD38 telah diperjelaskan dan dengan itu mahkamah akur akan keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah (2) di Johor Bahru, Johor, menolak kemasukan atau penerimaan eks. IDD38 tersebut.

(f) Alasan Keenam

(Keterangan pembelaan perayu keseluruhannya telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan).

[58] Keseluruhannya, mahkamah ini akur dengan dapatan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah (2) Johor Bahru, Johor, dan berpuas hati tiada apa-apa kekhilafan fakta dan undang-undang yang boleh mencacatkan keputusannya bahawa pembelaan perayu tidak menimbulkan satu keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pendakwaan dan telah gagal untuk mematahkan anggapan di bawah s. 114A(3) Akta Keterangan 1950 di atas imbangan kebarangkalian. Juga pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya iaitu pertuduhan pindaan terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah.

[59] Jadi dengan itu maka mahkamah ini menolak rayuan perayu terhadap sabitan di bawah s. 233(1)(a) Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998 dan hukumannya denda RM20,000 kalau gagal bayar beliau menghadapi enam bulan penjara sepertimana diperuntukkan di bawah s. 233(3) Akta yang sama adalah dikekalkan.